

## PENGENALAN

**Pesta Buku Brunei 2020** dianjurkan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Di samping mengenalkan dan menjual buku serta bahan penerbitan, Pesta Buku Brunei 2020 juga memberi peluang pertemuan penerbit, toko buku, pengedar, ilustrator, pustakawan, pelajar, pencinta buku dari dalam/luar negeri, dan masyarakat umum. Di samping itu, ia bertujuan untuk meningkatkan apresiasi terhadap buku sebagai sumber ilmu pengetahuan dan pencerahan.

## TEMPOH PAMERAN

**27 Februari – 07 Mac 2020:**

**8.30 pagi – 10.00 malam**

**kecuali hari Jumaat: 9.00 pagi – 11.30 pagi dan 2.30 petang – 10.00 malam**

**Pemasangan: 25 – 26 Februari 2020 • 8.30 pagi – 10.00 malam**  
**Pengemasan: 08 Mac 2020 • 8.30 pagi – 7.00 malam**

## TEMPAT

**Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**

## KATEGORI PAMERAN

**Buku:** Bahasa, Sastera, Seni, Kanak-kanak, Agama Islam, Dokumentari, Ekonomi, Sejarah, Sosial dan Budaya, Sains dan Teknologi, Ilmiah, Fiksiyen dan Bukan Fiksiyen, Buku Teks dan sebagainya.

**Lain-lain:** Komputer, multimedia, alat bantu mengajar dan perkara lain yang signifikan.

## PENGURUSAN PESTA BUKU

**Urus Setia Pesta Buku Brunei 2020**  
**Bahagian Penerbitan dan Pemasaran**  
**Dewan Bahasa dan Pustaka**  
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**  
**Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510**  
**Negara Brunei Darussalam**  
☎ +673 2382511 samb.176, 182, 204 & 212  
☎ +673 2381817  
✉ pestabukubrunei@dbp.gov.bn @ PBBBrunei

Bil.	Gerai	Keluasan	Harga Sewa
1.	Standard	3 m x 3 m x 2.5 m	\$1,500.00
2.	Sudut	3 m x 3 m x 2.5 m	\$1,700.00
3.	Premium	3 m x 5 m x 2.5 m	\$2,500.00

## GERAI DAN SEWA

Kelengkapan Gerai:

meja	1 unit
kerusi	2 unit
rak @ 2 m panjang	3 unit
lampu limpah (100 watt)	1 unit
lampu fluoresen	2 unit
bakul sampah	1 unit
papan nama gerai	(tulisan Jawi dan Rumi)
lantai gerai berkarpet	

Hiasan tambahan bagi permukaan ruang pameran akan ditanggung sendiri oleh peserta. Sebarang tambahan yang lain tertakluk kepada kebenaran penganjur dan peserta tidak dibenarkan menokok tambah melebihi ruang yang disediakan.

## PENDAFTARAN

Pendaftaran penyertaan pesta buku terbuka kepada penerbit-penerbit kerajaan, swasta dalam dan luar negeri, toko-toko dan pengedar buku, dan syarikat IT. **Borang penyertaan** hendaklah diisi dengan lengkap dan dikembalikan kepada **Urus Setia Pesta Buku Brunei 2020** tidak lewat pada **31 Disember 2019 sebelum pukul 4.30 petang**. Pendaftaran hendaklah bersekali dengan bayaran pendahuluan, sama ada secara tunai atau cek.

Pihak penganjur pesta buku, berhak menolak mana-mana permohonan tanpa memberi sebarang alasan. Peserta tidak dibenarkan menyewakan atau menyerahkan gerai mereka kepada pihak lain.

## PEMBAYARAN

Bayaran hendaklah dijelaskan dalam nilai **Dolar Brunei** sama ada secara tunai atau cek. Peserta dimestikan membuat pembayaran **wang pendahuluan sewa gerai** bagi tempahan petak gerai seperti ketetapan panduan pembayaran yang berikut:

Tempahan Gerai	Bayaran Pendahuluan		
	Premium	Standard	Sudut
1 – 2 unit	\$2,500.00	\$1,500.00	\$1,700.00
3 – 4 unit	-	\$3,000.00	\$3,000.00
5 unit	-	\$4,500.00	\$4,500.00

Peserta yang telah menjelaskan bayaran wang pendahuluan sewa gerai dibolehkan memilih petak gerai.

Pembayaran penuh hendaklah dibuat **tidak lewat 31 Januari 2020**. Peserta yang tidak menjelaskan bayaran penuh pada tarikh tersebut tidak akan dibenarkan menyertai Pesta Buku Brunei 2020 dan wang pendahuluan yang telah dibayar sebagai sewa tidak dikembalikan. Penganjur berhak menyewakan petak gerai tersebut kepada peserta lain.

## PEMBATALAN

Peserta tidak dibenarkan membatalkan tempahan selepas **31 Disember 2019**.

Sekiranya pemohon membatalkan tempahannya atas apa jua sebab sekalipun, pihak penganjur berhak melupuskan hak pemohon ke atas segala wang yang telah dibayar sebagai sewa dan perkhidmatan yang lain. Sebarang kerugian daripada pembatalan yang dibuat selepas tarikh tersebut menjadi obligasi kepada peserta berkenaan untuk membayar ganti rugi. Pihak penganjur berhak menyewakan ruang dan kemudahan gerai tersebut mengikut apa jua cara yang difikirkan patut.

## TAJAAN DAN AKTIVITI

Peserta yang berkeinginan untuk menyumbangkan sebarang tajaan dan apa jua bentuk pengisian kegiatan Pesta Buku Brunei seperti bengkel, forum, kuiz dan persembahan pentas, dikehendaki untuk menghantar kertas cadangan bagi kegiatan yang akan diunggayahkan kepada Urus Setia Pesta Buku Brunei tidak lewat pada **15 Januari 2020** bagi memudahkan urus setia membuat penyusunan jadual aktiviti yang akan dimuatkan dalam kalendar aktiviti Pesta Buku Brunei 2020.

## PROMOSI DAN SERANTA

Publisiti akan diusahakan melalui media massa, poster, kain rentang dan papan iklan.

## PENGINAPAN

Peserta dinasihatkan untuk membuat tempahan hotel penginapan mereka melalui laman web [www.MyBruneihotels.com](http://www.MyBruneihotels.com), [www.agoda.com/brunei](http://www.agoda.com/brunei), atau [www.trivago.com/brunei](http://www.trivago.com/brunei), selewatnya **dua bulan sebelum** Pesta Buku.

## INTRODUCTION

**Brunei Book Fair 2020** is organised in conjunction with the 36<sup>th</sup> National Day of Brunei Darussalam 2020.

Besides to introduce and sell books and other publications, the Brunei Book Fair 2020 is aimed to bring together publishers, book dealers, distributors, illustrators, librarians, students, book enthusiasts and the general public in order to increase greater appreciations of books as source of knowledge.

## EXHIBITION PERIOD

**February 27 – March 07 2020:**

**8.30 a.m. – 10.00 p.m.**

**except on Friday: 9.00 a.m. – 11.30 a.m.**

**and 2.30 p.m.–10.00 p.m.**

**Installation: February 25 – 26, 2020 • 8.30 a.m. – 10.00 p.m.**

**Dismantlement: March 08, 2020 • 8.30 a.m. – 7.00 p.m.**

## VENUE

**Indoor Stadium, Hassanal Bolkiah National Sports Complex, Berakas.**

## EXHIBITION CATEGORY

**Books:** Language, Literature Art, Children's, Islamic, Documentary, Economics, History, Social and Culture, Science and Technology, Fictions and Non-Fictions, Text Books and etc.

**Others:** Computer, multimedia, teaching aids and etc.

## BOOK FAIR MANAGEMENT

**Secretariat of Brunei Book Fair 2020**  
**Publication and Marketing Section**  
**Language and Literature Bureau**  
**Ministry of Culture, Youth and Sports**  
**Jalan Pembangunan, Old Airport, Berakas BB3510**  
**Brunei Darussalam**  
☎ +673 2382511 ext.176, 182, 204 & 212  
☎ +673 2381817  
✉ pestabukubrunei@dbp.gov.bn @ PBBBrunei

No.	Booth	Size	Rental Price
1.	Standard	3 m x 3 m x 2.5 m	\$1,500.00
2.	Corner	3 m x 3 m x 2.5 m	\$1,700.00
3.	Premium	3 m x 5 m x 2.5 m	\$2,500.00

## BOOTHS AND RENTAL

Booth's facilities:

table	1 unit
chair	2 units
racks @ 2 m long	3 units
spotlight (100 watt)	1 unit
fluorescent tube	2 units
trash basket	1 unit
booth's fascia name	(Jawi and Roman script)
booths floor are fully carpeted	

Additional decorations to the booths will be borne by the exhibitors. Any other additional structure above and beyond that is already allotted to the exhibitors is subject to the prior approval of the organiser.

## REGISTRATION

Participation is open to government, non-government, local and foreign publishers, distributors and bookstores, and IT vendors. **Registration form** must be filled completely and returned to the **Secretariat of Brunei Book Fair 2020** not later than **31<sup>st</sup> December 2019** before **4.30 p.m.**

The organiser have the right to reject any application without reasonable cause. Any sublet or transfer of booths by exhibitors is prohibited.

## PAYMENT

Payment should be made in **Brunei Dollar** either by cash or cheque. Participants are required to make **down payment for the selected booth's reservation** in accordance to the following guide line:

Booth's Reservation	Down Payment		
	Premium	Standard	Corner
1 – 2 unit	\$2,500.00	\$1,500.00	\$1,700.00
3 – 4 unit	-	\$3,000.00	\$3,000.00
5 unit	-	\$4,500.00	\$4,500.00

Participants who have settle their down payment for booth's rental are allowed to select the booth.

Full payment must be made by **31<sup>st</sup> January 2020**. Applicants who are unable to make full payment on the stated date shall not be allowed to participate in the Brunei Book Fair 2020.

## CANCELLATION

Participants are not allowed to cancel thier booth reservation after **31<sup>st</sup> December 2019**.

For the applicant who intended to cancel the booking for any reason, the organisers shall be entitled to forfeit all of the money paid as rental and charges for other services. Any losses due to the cancellation made after the stated date, the participants will be obliged to pay the compensation fee. The organisers shall be at liberty to dispose of the space and facilities in any manner they deem fit.

## SPONSORSHIP AND ACTIVITY

Participants who intend to contribute the sponsorship and any sort of Book Fair activities such as workshops, forum, quiz and stage performance, the participants are required to submit the details of proposal paper for any activities to the secretariat of Brunei Book Fair not later than **15<sup>th</sup> January 2020** to facilitate the schedule arrangement of Brunei Book Fair 2020 activity calendar.

## PUBLICITY

The book fair will be publicised through mass media, posters, banners and billboard.

## ACCOMMODATION

Exhibitors are advised to make their hotel bookings through website [www.MyBruneihotels.com](http://www.MyBruneihotels.com), [www.agoda.com/brunei](http://www.agoda.com/brunei), or [www.trivago.com/brunei](http://www.trivago.com/brunei), not later than **two months before** the book fair.

## PENGIRIMAN DAN PEMUNGGAHAN

Peserta dimestikan untuk mendapatkan (melantik) khidmat agensi atau syarikat pengirim dan pemunggaan (*forwarder*) yang telah berdaftar untuk menghantar dan memungga buku serta bahan pameran sama ada dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, *Brunei International Air Cargo Centre* (BIACC), Pos Kawalan Pelabuhan (Muara), Pos Kawalan Sungai Tujoh atau Pos Kawalan Kuala Lurah. Senarai nama dan keterangan *forwarder* boleh dimuat turun melalui <http://www.tradingcrossborders.gov.bn>.

## PERMIT DAN DEKLARASI

Agensi *Forwarder* yang dilantik perlu memohon permit dan kelulusan deklarasi daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja melalui e-perkhidmatan *National Single Window* di alamat <http://bdnsw.gov.bn>.

## PENAPISAN

Semua bahan pameran dan jualan hendaklah mendapat kelulusan tapisan keselamatan dan deklarasi daripada Bahagian D1 Tapisan Media, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terlebih dahulu. Manakala bagi bahan pameran dan jualan (keagamaan) hendaklah mendapatkan cap pengesahan daripada Bahagian Penapisan dan Pameran, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebarang pertanyaan, peserta boleh berhubung terus kepada pihak berkenaan melalui talian berikut:

- Jabatan Kastam dan Eksais Diraja  
☎ +673 2382333
- Bahagian D1 Tapisan Media, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri  
☎ +673 2331978
- Bahagian Penapisan dan Pameran, Pusat Da'wah Islamiah  
☎ +673 2383996, samb. 167

## SYARAT DAN PERATURAN

- Bahan pameran dan jualan berupa buku, jurnal, majalah, komik, poster, alat pandang dengar pendidikan, alat bantu mengajar, bahan IT, bahan seni khat dan cakera padat yang tidak menyalahi dan tidak bertentangan dengan akta penerbitan, ketenteraman, keselamatan serta undang-undang yang berkaitan yang dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam.
- Peserta digalakkan menjual bahan pameran dengan potongan harga sekurang-kurangnya 10% ke atas daripada harga asal.
- Peserta hendaklah mempamerkan bahan pameran mereka sepanjang pesta buku. Peserta tidak dibenarkan membawa keluar bahan pameran dan jualan sebelum tamat pesta buku.
- Peserta dialu-alukan untuk menyumbang dan menaja hadiah bagi menjayakan aktiviti semasa Pesta Buku Brunei.
- Peserta perlu membubuh tanda harga pada setiap buku dan bahan yang dijual. Buku agama yang dijual mestilah mempunyai cap pengesahan dari Pusat Da'wah Islamiah terlebih dahulu.
- Peserta bertanggungjawab menjaga kebersihan gerai dan kawasan sekitarnya serta mengawal kebisingan dan gangguan yang berlebihan.
- Peserta bertanggungjawab membayar ganti rugi penuh kepada penganjur jika berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan pada ruang pameran serta kemudahan yang disediakan, akibat daripada kecuai dan penyalahgunaan ruang oleh peserta, wakil atau ejennya, baik secara sengaja atau tidak.
- Peserta perlu mematuhi had letak buku dan bahan pameran dan jualan yang ditentukan di kawasan gerai mereka. Penganjur berhak memindahkan barang-barang berkenaan jika sekiranya bahan pameran dan jualan tersebut diletakkan pada tempat yang tidak dibenarkan sehingga mengganggu lalu lintas pengunjung.
- Penganjur dan pihak pengurusan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas tidak bertanggungjawab terhadap perkara-perkara seperti kecederaan, kecurian, malapetaka, kerosakan atau kehilangan bahan pameran dan jualan. Peserta dinasihatkan supaya menyediakan insurans perlindungan secara persendirian.
- Penganjur dan pihak pengurusan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian akibat kerosakan alat jentera, bekalan elektrik dan air, kebocoran air atau perintah kerajaan yang boleh menyebabkan Pesta Buku Brunei ini ditutup sementara atau ditutup terus.
- Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang dakwaan pelanggaran hak cipta akta penerbitan, ketenteraman, keselamatan serta undang-undang yang berkaitan yang dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam yang dikenakan kepada peserta.
- Penganjur berhak menamatkan hak peserta memperagakan bahan pameran sekiranya peserta didapati melanggar syarat dan peraturan penyertaan. Dalam hal ini, bayaran penyertaan peserta tersebut akan lupus dan peserta tidak berhak menuntut bayaran balik atau ganti rugi daripada penganjur, dan penganjur berhak menutup gerai mereka dengan serta-merta dan memindahkan barang mereka daripada ruang dan kawasan pameran.
- Penganjur berhak merampas bahan pameran yang ditegah dan dilarang untuk dijual.
- Tunduk pada syarat-syarat kebenaran mengadakan Pesta Buku Brunei yang dikeluarkan oleh agensi yang berwenang di Negara Brunei Darussalam.

BAHAN PAMERAN DAN JUALAN TIDAK DIBENARKAN	
Bahan	Contoh
Barang kemas	gelang, rantai, cincin, kerongsang, klip tudung, batu permata dan sitat.
Makanan/minuman	Madu, air/jus dan buah-buahan (kurma, kismis, buah tin, buah zaitun dan buah delima).
Lain-lain	Peralatan kesihatan, kosmetik, minyak wangi, sejadah, tasbih, songkok, kopiah, telekung, tudung, baju jubah (gamis), kain, sugi dan ubat-ubatan seperti minyak urut, minyak angin dan jamu serta permainan yang tidak berkaitan dengan pembelajaran.
LARANGAN	
Peserta <b>TIDAK DIBENARKAN</b> :	
1. Merokok, minum, makan dan membawa masuk makanan dan minuman ke dalam dewan pameran.	
2. Mengadakan resepsi, pelancaran buku dan persidangan akhbar dalam dewan pameran tanpa kebenaran daripada penganjur.	
3. Mengadakan jualan amal (kutipan) tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penganjur dan pihak yang berkenaan.	

## DISPATCH AND HAULAGE

*Exhibitors are required to obtain (appoint) the registered forwarding agencies to dispatch and unload the books and exhibit items either from the Brunei International Airport, Brunei International Air Cargo Centre (BIACC), Muara Port Control Post, Sungai Tujoh Control Post and Kuala Lurah Control Post. The list name and details of the registered forwarder can be access through website <https://www.tradingcrossborders.gov.bn>.*

## PERMIT AND DECLARATION

*The appointed forwarder is required to apply the permit and declaration approval from the Royal Customs and Excise Department through website <http://bdnsw.gov.bn>.*

## FILTERING

*All of the exhibit and sale items are required to get the approval of security filter and declaration from the Section of D1 Media Filter, Internal Security Department, Ministry of Home Affairs as initial filtering procedure. The procedures followed by obtaining the verification stamp from the religious exhibit and sale items from the Section of Filter and Exhibition, Islamic Da'wah Centre, Ministry of Religious Affairs.*

*Any further inquiry, the participants shall contact the concern parties through the following direct lines:*

- Royal Custom and Excise Department  
☎ +673 2382333
- Section of D1 Media Filter, Internal Security Department  
☎ +673 2331978
- Section of Filtering and Exhibition, Islamic Da'wah Centre  
☎ +673 2383996, ext. 167

## RULE AND REGULATIONS

- Participants are permitted to display/show/offer for sale/sell books, journals, magazines, comics, posters, cassettes, audio-visual learning aids, teaching aids, IT materials, calligraphy materials and compact discs which do not violate the undesirable publications act and related laws enforced in Brunei Darussalam.*
- Participants are encouraged to sell their goods at a discounted rate of 10% and above.*
- Participants must exhibit their goods at all times during the Book Fair. Participants are not allowed to remove their goods before the Book Fair ends.*
- Participants are encouraged to contribute and sponsor prizes for any activities held during the Book Fair.*
- Participants are required to label the price on each book and material. Religious books and Islamic related-materials must obtained valid verification from the Islamic Da'wah Centre.*
- Participants must keep the cleanliness of their booths and surroundings, as well as to control any excessive noise and disruption.*
- Participants are held responsible to pay any compensation to the organiser in the event of any losses or damages, of the designated booth and facility thereafter due to the carelessness and misuse by participants, their representatives or agent, purposely or otherwise.*
- Participants should confine their display and sell of products/materials within the designated booth. The organiser reserves the right to relocate any products/materials that are placed in undesignated area which may interfere with the visitor's traffic.*
- The organiser and the management of Indoor Stadium, Hassanal Bolkiah National Sports Complex, Berakas shall not be responsible for any injuries, theft, disaster, damages, or losses of display or sell of products/materials. Participants are advised to insured themselves at their own costs.*
- The organiser and the management of Indoor Stadium, Hassanal Bolkiah National Sports Complex, Berakas shall not be responsible for any losses due to the force majeure malfunction of machines, electrical and water supply, water leakages or any disaster or any order made by the government which may cause the Brunei Book Fair to be temporarily closed or permanently closed.*
- The organiser is not liable in respect of any allegation of copyright infringement publications act and related laws enforced in Brunei Darussalam that is imposed on the participants.*
- The organiser reserves the right to terminate any participants from displaying or selling their products/materials if the participants fail to comply with the rules and regulations of the fair. In this respect, their participation fees are deemed lapsed, and the participation shall not be eligible for any compensation. The organiser has the right to terminate their participation at once and relocate their products/materials from the exhibition zone.*
- The organiser reserves the right to confiscate any products/materials that are deemed prohibited for display and sell.*
- The organiser and participants are to comply with the rules and regulations as issued by the authorised agency in Brunei Darussalam.*

PROHIBITED EXHIBITION ITEMS	
Item	Example
Jewelleries	Bangles/bracelets, necklace, rings, brooches, head cover's clips, gems/jewels and stud.
Food and drinks	honey, juices and fruits (dates, raisins, figs, olives and pomegranate).
Others	Health tools cosmetics, perfumes, praying mats, prayer beads, songkok, kopiah, telekung, head covers, long robes (gamis), clothes, sugi and medicines such as ointments, jamu (herbal medicine) and toys/games which are not related to relevant learning products.
PROHIBITION	
<b>Participants ARE NOT ALLOWED:</b>	
1. Smoking, drinking, eating and bringing any food and drink into the exhibition hall.	
2. Holding any reception, book launching ceremony, press release in the exhibition hall without prior written approval from the organiser.	
3. Conduct book sales which related to any purchases and charitable of books without prior permission from the organiser.	



# فيسٽا بوڪو بروني

# PESTA BUKU BRUNEI

03 – 12 REJAB 1441  
27 FEBRUARI – 07 MAC 2020

“Informatif dan Inspiratif”

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN  
HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-36, TAHUN 2020

TEMPAT

STADIUM TERTUTUP, KOMPLEKS SUKAN  
NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS

ANJURAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



[pestabukubrunei@dbp.gov.bn](mailto:pestabukubrunei@dbp.gov.bn)



PBBrunei

